

LAMPIRAN K.4

GARISPANDUAN TEMPAT LETAK KENDERAAN BAGI PEMAJUAN PERDAGANGAN DI KAWASAN MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG

1.0 Tujuan

Garis panduan ini merupakan panduan kepada pematuhan kehendak penyediaan Tempat Letak Kenderaan bagi pemajuan perdagangan di kawasan MBPP. Semua pemajuan perdagangan hendaklah menyediakan kemudahan tempat letak kenderaan yang sewajarnya dan bersesuaian dengan keadaan tapak pemajuan.

2.0 Pemakaian Garispanduan

- 2.1 Garispanduan ini akan terpakai bagi permohonan kebenaran merancang cadangan pemajuan perdagangan baru dan cadangan tambahan tingkat kepada premis perdagangan sedia ada.
- 2.2 Perkara 4.0 dalam "Garis panduan Untuk Kemajuan Perdagangan" tahun 1984 (**LAMPIRAN D.2**) akan dibatal dan diganti dengan garis panduan ini.

3.0 Takrif

- 3.1 "Rumah kedai" ditakrif sebagai kemajuan perdagangan atau kemajuan bercampur dengan keluasan tanah 5,000 kp atau kurang, mempunyai bidang hadapan bangunan berukuran 40 kaki atau kurang, biasanya dibina dalam satu barisan dan bersempadan dengan lorong belakang. Rumah kedai dibenarkan sehingga ketinggian maksima 5 tingkat (termasuk tingkat tara dan/atau tingkat bawah tanah). Sekiranya plot tanah tapak pemajuan dikurangkan akibat pengenaan garisan bangunan, pelebaran jalan, lorong belakang dan sebagainya, di mana cadangan pemajuannya berkesudahan dengan nisbah plot yang kurang dari 4:1, maka pertimbangan akan diberi untuk pemajuan rumah kedai berdasarkan nisbah plot 4:1 dan bukannya kepada ketinggian maksima 5 tingkat.
- 3.2 "Bangunan perdagangan" ditakrif sebagai pemajuan bangunan kedai, pejabat, pusat jualan / pameran dan lain-lain aktiviti komersil yang mempunyai keluasan tanah melebihi 5,000 kp dan mempunyai bidang hadapan bangunan melebihi 40 kaki. Bagi saiz plot sehingga keluasan 30,000 kp, nisbah plot yang dibenarkan ialah 3.5:1 dan nisbah plot maksima 5:1. Bagi saiz plot melebihi keluasan tanah 30,000 kp, nisbah plot yang dibenarkan ialah 2.5:1 dan nisbah plot maksima 5:1.

4.0 Penyediaan Tempat Letak Kenderaan Untuk Pemajuan Rumah Kedai (keluasan tanah 5,000 kp atau kurang)

4.1 Kehendak-kehendak penyediaan tempat letak kenderaan (TLK) adalah berikut :

| Pengiraan Bilangan Petak Letak Kenderaan | Bilangan Tingkat Bangunan | Sumbangan Kewangan Tempat Letak Kenderaan | Lain-Lain |
|---|--|--|---|
| <p><u>Ruang Kedai /Pejabat:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - 1 petak letak kereta bagi setiap keluasan lantai 125 mp - 1 petak letak motosikal bagi setiap petak letak kereta <p><u>Ruang Kediaman:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • 1 petak letak kereta bagi setiap unit kediaman • 1 petak letak motosikal bagi setiap unit kediaman | <p><u>1 hingga 5 tingkat</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - Penyediaan TLK secara fizikal boleh dikecualikan dan tawaran sumbangan kewangan untuk TLK yang tidak disediakan di tapak boleh dipertimbangkan - TLK secara fizikal boleh disediakan di tapak sekiranya keadaan tapak membenarkan dan tertakluk kepada perakuan Jabatan Kawalan Bangunan | <p><u>Kadar Sumbangan untuk menggantikan Tempat Letak Kenderaan yang tidak disediakan :</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - RM25,000 bagi setiap petak letak kereta - RM2,500 bagi setiap petak letak motosikal - Bayaran sumbangan kewangan dijelaskan sepenuhnya sebelum Kebenaran Merancang (Borang C1) diberi. | <ul style="list-style-type: none"> - Cadangan tambahan tingkat kepada rumah kedai sedia ada hendaklah disediakan TLK secara fizikal. - Namun tawaran sumbangan kewangan bagi menggantikan TLK tambahan yang tidak dapat disedia boleh dipertimbangkan mengikut kes merit. |

5.0 Penyediaan Tempat Letak Kenderaan Untuk Pemajuan Bangunan Perdagangan (keluasan tanah melebihi 5,000 kp)

5.1 Kehendak-kehendak penyediaan tempat letak kenderaan (TLK) adalah berikut :

| Pengiraan Bilangan Petak Letak Kenderaan | Bilangan Tingkat Bangunan | Sumbangan Kewangan Tempat Letak Kenderaan | Lain-Lain |
|---|--|--|--|
| <p>a) <u>2000 mp pertama</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - 1 petak letak kereta bagi setiap 125 mp <p>b) <u>Lebih Daripada 2,000 mp</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - 1 petak letak kereta bagi setiap 100 mp - 1 petak letak motosikal bagi setiap petak letak kereta | <p><u>1 hingga 3 tingkat:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - penyediaan TLK secara fizikal boleh dikecualikan dan tawaran sumbangan kewangan untuk TLK yang tidak disediakan di tapak boleh dipertimbangkan | <p><u>Kadar Sumbangan untuk menggantikan Tempat Letak Kenderaan yang tidak disediakan :</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - RM25,000 bagi setiap petak letak kereta - RM2,500 bagi setiap petak letak motosikal | <ul style="list-style-type: none"> - TLK berjenis "Automated Mechanical Carpark" dibenarkan. Kesesuaian jenis tertakluk kepada perakuan Jabatan Kawalan Bangunan - Dalam Tapak Warisan Dunia George Town, pertimbangan |

| | | | |
|--|--|---|--|
| | <p><u>4 tingkat dan lebih:</u></p> <p>- TLK secara fizikal hendaklah disediakan sepenuhnya di tapak</p> <p><u>cadangan tambahan tingkat kepada bangunan sedia ada:</u></p> <p>- TLK tambahan secara fizikal hendaklah disediakan di tapak, tawaran sumbangan kewangan tidak dibenarkan</p> | <p>- Bayaran sumbangan kewangan dijelaskan sepenuhnya sebelum Kebenaran Merancang (Borang C1) diberi.</p> | <p>pengecualian penyediaan TLK secara fizikal boleh diberi berdasarkan kes merit dan perakuan "Technical Review Panel"</p> |
|--|--|---|--|

6.0 Tarikh Pelaksanaan

Pelaksanaan garis panduan baru ini adalah selepas tarikh sah di Mesyuarat Biasa Majlis (MBM) iaitu pada 23.6.2016.